

# JPJ keluar 1,294 notis

Harian metro 23/7/

**Johor Bahru:** Sebanyak 1,294 notis dikeluarkan atas pelbagai kesalahan menerusi Op Khas Rentas Sempadan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang diadakan di kebanyakan daerah di Johor termasuk Johor Bahru, Muar, Segamat dan sepanjang Lebuh raya Utara-Selatan bermula Selasa lalu.

Pengarah JPJ Johor Azmil Zainal Adnan berkata, sebanyak 968 daripada 1,070 kenderaan yang diperiksa dalam operasi berakhir semalam dan memfokuskan kenderaan perdagangan itu, dikenakan tindakan.

"Sebanyak 384 daripadanya membabitkan pemandu kenderaan perdagangan yang melakukan kesalahan seperti membawa lebih muatan atau muatan berbahaya, kesalahan teknikal dan memandu kenderaan berat di lorong kanan secara berterusan," katanya kepada pemberita dalam sidang media selepas Op Khas Rentas Sempadan di tol Skudai di sini, semalam.